



NOTIS PEMBERITAHUAN KERJA-KERJA UNDI SESI 01/2026

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak akan mengadakan cabutan undi bagi kerja-kerja undi bagi sesi 01/2026.

Kategori kerja-kerja undi pada sesi ini adalah seperti berikut :-

BIL.	KATEGORI	KOD BIDANG	KUOTA PENDAFTARAN
1.	KERJA-KERJA AM KEJURUTERAAN AWAM	CIDB G1: CE 21	TIADA
2.	KERJA TANAH	CIDB G1: CE 36	TIADA

1. Syarat-syarat kelayakan bagi menyertai kerja-kerja undi secara dalam talian adalah seperti berikut :-
 - (a) **Kontraktor berdaftar dalam sistem S3PK Negeri Perak Gred G1** yang ingin menyertai kerja undi ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk mendaftar di Laman Web Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak dengan memuatnaik perkara-perkara yang disenaraikan berikut dalam bentuk PDF, JPEG, BMP atau format gambar yang mudah untuk dicetak semula bagi tujuan saringan :
 - (i) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB.
 - (ii) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB.
 - (iii) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK.
 - (iv) Salinan-salinan Sijil seperti yang dinyatakan di atas hendaklah masih sah lakunya 60 hari dari tarikh pendaftaran kerja undi atau belum tamat tempoh sekurang-kurangnya sehingga 6 September 2026.
 - (v) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (Kementerian Kewangan Malaysia) atau Pengesahan Vendor iGFMAS (e-Vendor).
 - (vi) Memegang Sijil Pematuhan Cukai (TCC) bagi Permohonan Perolehan Kerajaan (**Status: PATUH**)
 - (b) Tidak pernah mendapat lantikan tawaran kerja / perkhidmatan / pembekalan dalam tahun semasa (2026) dari pihak Jabatan Pengairan dan Saliran di Negeri dan Daerah.
 - (c) Kerja undi di bawah kategori CIDB adalah terhad kepada Gred G1 yang berdaftar di daerah berkaitan dan bertaraf Bumiputera sahaja.
 - (d) Sebarang urusan Kebenaran Khas daripada CIDB adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

(e) Kontraktor yang telah digantung, dikenakan tindakan tatatertib@penyenaraian hitam oleh pihak CIDB/PKK/JPS adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja undi ini. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak akan menyemak di laman sesawang CIDB berkaitan penggantungan atau apa-apa tindakan yang dikenakan kepada kontraktor.

2. Tarikh pendaftaran kontraktor, semakan nombor cabutan undi dan proses kerja-kerja undi sesi 01/2026 adalah seperti ketetapan berikut :-

PENDAFTARAN ATAS TALIAN

Pendaftaran Kontraktor di Laman Web JPS Negeri Perak (<https://jps.perak.gov.my>)

Tarikh Pendaftaran : **3 Julai 2026 (Jumaat), bermula jam 9:30 pagi***
Tarikh Tutup Pendaftaran : **6 Julai 2026 (Isnin), jam 12:00 tengah hari***

SEMAKAN NOMBOR CABUTAN UNDI

Semakan di Laman Web JPS Negeri Perak (<https://jps.perak.gov.my>)

Tarikh Semakan : **9 Julai 2026 (Khamis)***
Masa : Mulai jam 9:30 pagi

PROSES CABUTAN KERJA UNDI


Tarikh Proses Kerja-Kerja Undi Sesi 01/2026 : **13 Julai 2026 (Isnin)***

Masa : Mulai jam 9:30 pagi

Secara Siaran Langsung di Facebook Rasmi JPS Negeri Perak
(<https://facebook.com/jpsperak>)

3. Kontraktor yang melepasi saringan adalah layak diundi bagi keseluruhan kerja-kerja yang ditawarkan / disenaraikan mengikut alamat serta daerah di mana ia didaftarkan sahaja. Walau bagaimanapun, bagi kontraktor yang berjaya di dalam undian ini hanya layak bagi satu (1) kerja sahaja.
4. Bagi setiap kerja yang disenaraikan akan dibuat undian dan akan diberikan satu (1) Penama Berjaya dan satu (1) Penama Simpanan.
5. Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN HADIR** ke premis Undi yang akan dijalankan. Kontraktor boleh mengikuti Proses Undian tersebut secara dalam talian di *Facebook* Rasmi JPS Negeri Perak.
6. Kontraktor yang berjaya akan dimaklumkan melalui Akaun *Facebook* Rasmi JPS Negeri Perak atau melalui panggilan telefon seperti yang telah didaftarkan untuk kerja undi ini.
7. Kontraktor yang berjaya hendaklah menandatangani Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial dan Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa sebelum menandatangani Inden / Surat Setuju Terima (SST).

Tarikh : **26 Jun 2026**


J.R. AZIZAH BINTI MOHD. SABRI, A.M.P., P.M.P.
Timbalan Pengarah (Pengurusan)
b.p. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Perak Darul Ridzuan.

NOTA: Pihak JPS Negeri Perak akan menjemput wakil daripada Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Perak, wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi menyaksikan proses cabutan undi ini dan sebagai pemerhati.

Pihak kontraktor boleh menyaksikan cabutan undi secara langsung di "*Facebook live* JPS Negeri Perak" yang akan dimaklumkan kelak.

****Tertakluk kepada pindaan semasa.***